



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS BERDIKIR SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM 1440H/2018M
KELOLAAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Hari Ahad, 3 Rabiulawal 1440H bersamaan 11 November 2018

Bandar Seri Begawan

Rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir ke Majlis Berdikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam pada sebelah malam hari Ahad, 3 Rabiulawal 1440H bersamaan 11 November 2018 di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis Madang.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan Yang Mulia Awang Abdul Halidi bin Haji Mohd Salleh, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Pegawai-Pegawai Kanan; pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid dan



- 2 -

diteruskan dengan bacaan Dikir. Majlis disusuli dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Dikir Marhaban dan bacaan Doa.

Antara lain majlis bertujuan bagi memakmurkan masjid, di samping memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Jemaah, serta penduduk sekitar dengan pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya akan menghadiri Majlis Dikir di Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop pada 13 November 2018; di Masjid Sultan Sharif Ali, Kg Sengkurong pada 14 November 2018 dan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar pada 19 November 2018.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Bahagian Pengurusan dan Kewangan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 11 November 2018